




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 16 – 19 JULAI 2021

BIL. 25 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 20 Julai 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 798,955** atau 85.0 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **133,703 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** direkodkan sebanyak **12,366** dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **939,899 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **12,358 kes** daripada catatan harian dengan **80.9 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang mendominasi **kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 46.4 peratus**, Zon Selatan (18.0 peratus), Wilayah Malaysia Timur. (16.8 peratus), Zon Utara (11.3 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **5,524 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,580 kes), Negeri Sembilan (970 kes), Johor (793 kes), Kedah (701 kes) dan Sabah (657 kes). Sejumlah **7,241 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **93 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **135 kes** yang dicatatkan pada 8 Julai 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 19 Julai 2021 menunjukkan seramai **10,006,701** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **2,138,264** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 1,781,712. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,558,764), Johor (696,082), Perak (580,502), Pulau Pinang (518,987), Sabah (495,930), Negeri Sembilan (443,415), Kedah (428,425) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 325,288 dan 317,448. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **14,664,816** meliputi **10,006,701** penerima bagi **dos pertama** manakala **4,658,115** telah menerima **dos yang kedua**.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- **EU: Pengeluaran perindustrian Zon Eropah jatuh lebih banyak daripada yang dijangkakan.** Pengeluaran perindustrian Zon Eropah merosot lebih dari yang dijangkakan pada bulan Mei. Data EUROSTAT menunjukkan hasil industri turun -1% bulan ke bulan, berbanding kenaikan 0.6% yang dicatatkan pada April 2021. Momentum penurunan ini melebihi jangkaan penganalisis ekonomi pada -0.2%. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran industri meningkat 20.5% pada Mei 2021 dari 39.4% pada April 2021. Penganalisis ekonomi telah meramalkan output akan meningkat 22.2%. Semua komponen pengeluaran, kecuali barang pengguna tahan lama, menurun pada bulan Mei dari April 2021. Pengeluaran barang pengguna tidak tahan lama turun -2.3% bulan ke bulan, diikuti oleh penurunan pengeluaran tenaga sebanyak -1.9%. (RTT)
- **UK: Inflasi UK mencatatkan bacaan tertinggi sejak tahun 2018.** Office for National Statistics melaporkan kadar inflasi UK meningkat kepada 2.5% tahun ke tahun, yang paling tinggi sejak Ogos 2018. Pertumbuhan ini melepas ramalan median tinjauan Bloomberg pada 2.2%. Lonjakan itu menguatkan pandangan bahawa bank pusat akan terpaksa menaikkan kadar faedah pada tahun hadapan. Ini juga menunjukkan bahawa inflasi muncul sebagai ujian kepada bank pusat di ekonomi utama seperti US apabila mencatatkan peningkatan harga pengguna pada kadar 5.4%. (Bloomberg)
- **JAPAN: Pengeluaran perindustrian jatuh lebih daripada yang dianggarkan.** Ministry of Economy, Trade and Industry melaporkan pengeluaran perindustrian Japan turun -6.5% bulan ke bulan pada Mei 2021 berbanding anggaran awal pada -5.9%. Penghantaran susut -5.5% pada bulan Mei dan inventori turun -1.1%. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran industri meningkat 21.1% pada bulan Mei 2021. Penggunaan kapasiti pula turun 6.8% bulan ke bulan dan meningkat 31.3% tahun ke tahun pada Mei 2021. (RTT)
- **INDIA: Inflasi harga pemborong India pada Jun 2021 lebih rendah berbanding bulan sebelumnya.** Ministry of Commerce & Industry melaporkan indeks harga pemborong meningkat 12.07% tahun ke tahun pada Jun 2021, selepas mencatatkan kenaikan 12.94% pada Mei 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan kenaikan pada kadar 12.23%. Indeks harga barang utama meningkat 7.74% tahun ke tahun pada Jun 2021, selepas kenaikan 9.61% pada bulan sebelumnya. Harga makanan meningkat 6.66% pada bulan Jun, setelah mencatatkan pertumbuhan 8.11% pada bulan sebelumnya. Harga bahan bakar dan tenaga meningkat 37.61% pada Mei 2021, menyusuli kenaikan 20.94% pada bulan sebelumnya. Sementara itu, harga produk pembuatan

meningkat 10.88% pada Jun 2021, melepas kenaikan 10.83% pada bulan sebelumnya. (RTT)

- **SINGAPORE: Ekonomi Singapore dijangka kembali ke landasan setelah merosot pada ST2 2021.** Ekonomi Singapura menguncup pada Suku Tahun kedua dalam memerangi wabak COVID-19. Walau bagaimanapun penganalisis ekonomi menjangkakan negara berkenaan akan kembali ke landasan dengan cepat apabila pertumbuhan global meningkat dan kadar vaksinasi bertambah baik. Ekonomi Singapore menguncup -2% suku tahun ke suku tahun pada suku kedua 2021, berbanding pertumbuhan 3.1% pada suku sebelumnya. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan KDNK Singapore meningkat 14.3% pada suku kedua berbanding median ramalan pada 14.2%. (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Sektor perjalanan udara Asia** dijangka mengambil masa tiga tahun untuk pulih sepenuhnya daripada pandemik, berbanding rantau lain. Secara tidak langsung akan memberi impak kepada pengeluar bahan api pesawat yang merupakan perniagaan bernilai dalam pasaran produk minyak. Ini disokong oleh firma perunding Energy Aspects, penggunaan bahan api pesawat hanya akan mencapai jumlah sebelum pandemik hanya pada 2023 atau 2024.
2. **Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA)** memohon kepada kerajaan membenarkan industri pakaian beroperasi semula pada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Organisasi tersebut menyatakan pihak pembuat dan peruncit **mengalami kerugian berjumlah RM163 juta sehari akibat penutupan operasi**. Seterusnya penutupan yang berpanjangan menjaskan 500,000 pekerja dan akan meningkatkan kadar pengangguran di Malaysia.
3. **Portal MyAssist MSME** adalah inisiatif Kerajaan untuk memudahkan PKS mendapatkan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan peluang pemasaran secara dalam talian. Perkhidmatan MeetME melalui portal ini mendapat sambutan **menggalakkan dengan lebih 350 slot temu janji telah dibuka**. Antara perkhidmatan Kaunselor Perniagaan SME Corp yang diberikan meliputi pengurusan kewangan, pemasaran, undang-undang, pembiayaan, eksport, pengurusan tenaga kerja, operasi, pensijilan, penjenamaan, pembungkusan, pengurusan harta intelek dan banyak lagi.
4. Penutupan penuh sektor perkilangan yang menyumbang **jumlah eksport lebih RM1 trilion setiap tahun akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara**. Antara langkah yang boleh diambil adalah tindakan bersasar dan penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan ke atas kilang yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta menunjukkan peningkatan kes COVID-19.
5. **Harga saham Pharmaniaga Bhd turun sebanyak 15.5 sen atau 14.9% kepada 88.5 sen hari ini** kerana para pelabur mempertimbangkan kesan keputusan Malaysia untuk menghentikan pemberian vaksin Sinovac COVID-19 pada prospek Pharmaniaga, yang merupakan pengedar tunggal vaksin buatan China di Malaysia. Malaysia akan berhenti memberikan vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh China SINOVAC Life Sciences Co Ltd setelah bekalannya berakhir, kerana Malaysia mempunyai jumlah vaksin lain yang mencukupi untuk program vaksinasi COVID-19nya.

6. Iran merancang untuk meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia sehingga mencecah satu juta tan dan ke atas setiap tahun dalam usahanya memenuhi permintaan yang dijangkakan semakin bertambah dalam beberapa tahun akan datang. Iran berada di kedudukan teratas dalam senarai jumlah import minyak sawit Malaysia tahun ini dalam kalangan 10 negara Timur Tengah.
7. MAH turut menganggarkan bahawa **industri perhotelan telah mengalami kerugian lebih dari RM11 bilion** kesan dari pandemik COVID-19.
8. **Nilai penjualan pembuatan tahunan untuk industri pada tahun 2020 berjumlah sekitar RM24.23 bilion**, oleh itu kerugian pendapatan segmen industri kerana penutupan akibat pandemik dianggarkan berjumlah RM80.8 juta setiap hari bekerja. FMFTA mengatakan bahawa persekutuan juga menegaskan bahawa anggota mereka tidak dapat bertahan sekiranya mereka menunggu peralihan dari Fasa 1 ke Fasa 3 tanpa beroperasi memandangkan keadaan pandemik di Malaysia ketika ini.
9. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah menyambut **syarikat penerbangan kargo ke-18, Central Airlines** dari **Shenzhen, China, yang akan beroperasi tiga kali seminggu menggunakan pesawat Boeing 737F**. Central Airlines, juga dikenali sebagai Zhongzhou Airlines, adalah syarikat penerbangan kargo ketiga yang beroperasi di KLIA selepas Kargo Xpress dan GetJet Airlines tahun ini kerana permintaan kargo udara yang tinggi semasa tempoh pandemik.
10. **Selangor mensasarkan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) lebih rendah iaitu antara RM12 bilion hingga RM13 bilion pada tahun ini berbanding pencapaian RM17 bilion ke RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini** ekoran impak daripada pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, negeri itu masih mencatatkan angka yang baik dengan nilai kira-kira RM9 bilion sehingga April 2021.
11. Pihak KPDNHEP menerima laporan **mengenai kenaikan harga bahan mentah telur** dan mendapati kenaikan harga itu tidak dapat dielakkan kerana **banyak ladang ternakan ayam ditutup** berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
12. Seramai **551 orang pengusaha rumah inap dan chalet di Johor menerima bantuan secara one-off sebanyak RM1,000**.

13. Seramai 1,882 orang **pengusaha van sekolah di Muar menerima bantuan RM500 seorang** menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor.
14. **Pekerja warga asing yang memiliki janji temu yang disahkan tidak perlu divaksinasi melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta** (PIKAS) yang dikenalikan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kerajaan juga menerima aduan mengenai pekerja warga asing dan telah mengarahkan semua PPV bahawa semua warga asing terbabit sudah mendapat janji temu mereka akan divaksin.
15. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah **melaksanakan pengurangan yuran di Universiti Awam** (UA) membabitkan implikasi kewangan dianggarkan berjumlah RM185.7 juta.
16. Tenaga Nasional Berhad (TNB) **memperuntukkan sebanyak RM15.9 juta bagi membantu kira-kira 50,000 pelajar** sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya.
17. **Isu kekurangan pekerja di sektor perladangan amat membimbangkan** kerana sektor perladangan merupakan salah satu industri berteraskan produktiviti yang sangat memerlukan tenaga kerja mencukupi bagi memastikan pengeluaran hasil memuaskan. Sektor perladangan yang dikatakan bersifat 3D iaitu *dirty* (kotor), *dangerous* (berbahaya) dan *difficult* (sukar) merupakan **sektor yang dikatakan kurang diminati oleh rakyat tempatan**.
18. Prasarana Malaysia Berhad bakal **membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Stesen LRT Putra Heights dan Kompleks Bas Rapid Cheras Selatan** untuk tenaga kerja Prasarana dan MRT CORP. Kapasiti suntikan adalah melibatkan 600 suntikan sehari bagi mempercepatkan pemberian vaksin.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 19 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Sekatan pergerakan bukan lagi pilihan tepat</p> <p>Ketua Ahli Ekonomi Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC) berpendangan bahawa pelaksanaan sekatan pergerakan dilihat bukan pilihan yang diperlukan ketika ini bagi mengatasi impak negatif pandemik COVID-19. Pendekatan itu jika berterusan terlalu lama akan memberi kesan yang teruk kepada ekonomi.</p> <p>Menuju ke depan, pembukaan dan penjajaran semula ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi, pelaksanaan pelaburan infrastruktur mega dan mempunyai suara majoriti di Parlimen adalah 'ramuan' yang diperlukan untuk memacu peralihan pertumbuhan Malaysia.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/841065/sekatan-pergerakan-bukan-lagi-pilihan-tepat
2.	Berita Harian 19 Julai 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Majikan perniagaan milikan tunggal boleh mohon PenjanaKerjaya 3.0 – PERKESO</p> <p>Majikan berstatus perniagaan milikan tunggal dibenarkan memohon insentif di bawah PenjanaKerjaya 3.0.</p> <p>Selain itu, penambahbaikan dalam program ini adalah</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/841029/majikan-perniagaan-milikan-tunggal-boleh-mohon-penjanakerjaya-30

		<p>mengurangkan had kelayakan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,200 untuk program Malaysianisation sebagai dorongan kepada majikan mengganti pekerja asing dengan pekerja tempatan.</p> <p>Tempoh kontrak penggajian akan dilonggarkan dari 12 bulan kepada enam bulan bagi kategori pekerja berusia 50 tahun ke atas, golongan orang kurang upaya (OKU) dan bekas banduan</p>	
3.	Sinar Harian 20 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penutupan penuh kilang beri kesan buruk kepada ekonomi</p> <p>Penutupan penuh sektor perkilangan yang menyumbang jumlah eksport lebih RM1 trilion setiap tahun akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Antara langkah yang boleh diambil adalah tindakan bersasar dan penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan ke atas kilang yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta menunjukkan peningkatan kes COVID-19.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/150819/BERITA/Nasional/Penutupan-penuh-kilang-beri-kesan-buruk-kepada-ekonomi
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembukaan dan penajaran semula ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi serta pelaksanaan pelaburan infrastruktur mega diperlukan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan pada masa depan. Pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) juga perlu dilaksanakan memandangkan negara menuju kepada penduduk tua menjelang 2030, yang akan mengurangkan pendapatan cukai kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Majikan berstatus perniagaan milikan tunggal dibenarkan memohon insentif di 			

bawah PenjanaKerjaya 3.0. Pada insiatif terdahulu, majikan perniagaan milikan tunggal tidak layak memohon insentif dalam PenjanaKerjaya 3.0 kerana hanya majikan kategori industri yang berdaftar dengan PERKESO yang dibenarkan.

3. Penutupan penuh sektor perkilangan yang menyumbang jumlah eksport lebih RM1 trilion setiap tahun akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Antara langkah yang boleh diambil adalah tindakan bersasar dan penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan ke atas kilang yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta menunjukkan peningkatan kes COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Semasa pelaksanaan pelbagai fasa PKP sepanjang tahun 2020, ekonomi Malaysia telah mengalami penyusutan sebanyak 5.6 peratus. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia menyusut marginal 0.5 peratus berbanding negatif 3.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.
2. Inisiatif yang diperluaskan kepada semua majikan perniagaan milikan tunggal ini akan membantu kelompok ini dalam usaha memulihkan dan mengukuhkan kembali kedudukan perniagaan yang telah terjejas. Majikan dalam kategori milikan tunggal ini adalah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang merupakan antara penyumbang kepada ekonomi negara dengan merekodkan sumbangan 38.9 peratus pada tahun 2019.
3. Penutupan penuh sektor perkilangan yang menyumbang jumlah eksport lebih RM1 trilion setiap tahun akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara. Sektor Pembuatan meningkat 6.6 peratus pada suku tahun pertama 2021 berbanding 3.0 peratus pada suku keempat 2020 didorong oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (10.6%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (7.3%).

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Bernama 16 Jun 2021 (Non-Essential)	91% of retail businesses suffer decline, 50,000 laid off Based on survey conducted by MRCA on the impact of current restriction, 91% of retail businesses reported a decline in	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/07/16/91-of-retail-businesses-suffer-decline-50000-laid-off/

		<p>sales from January to June this year. They also have terminated almost 50,000 employees so far.</p>	
	B. Subsektor Penginapan		
2.	Astro Awani 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>KWP lancar Rumah Prihatin@Grand Seasons untuk golongan memerlukan</p> <p>Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melancarkan Rumah Prihatin@Grand Seasons, yang menawarkan lima komponen utama kepada penerimanya, antaranya ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menyediakan 1000 paket makanan setiap hari untuk diedarkan kepada golongan yang tidak berkemampuan, barisan hadapan, gelandangan serta fakir miskin. 2) Khidmat Kesihatan Mental Prihatin 3) Bilik Penginapan Prihatin iaitu khidmat penginapan hotel 'Bayar Sekadar Mampu' (BSM) kepada golongan musafir, pelajar-pelajar dan individu-individu yang memerlukan tempat penginapan sementara. 4) Khidmat Vaksinasi Prihatin 5) Pusat Gerakan Jejak Prihatin 	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kwp-lancar-rumah-prihatingrand-seasons-untuk-golongan-memerlukan-308663
3.	The Star 17 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Short Position - Tabung Haji, hotel industry, Bandar Malaysia</p> <p>COVID-19 infections showing no signs of abating, it is hard to imagine how much longer the tourism industry can sustain itself</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/07/17/short-position---tabung-haji-hotel-industry-bandar-malaysia

		<p>in the absence of income. Hotel operators are among the hardest hit. According to the Malaysian Association of Hotels (MAH), about 120 hotels in the country have ceased operations temporarily or permanently.</p>	
4.	Utusan Malaysia 17 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Tauke hotel gadai tanah, jual hotel untuk tampung hidup</p> <p>Kebanyakan peniaga, pemilik hotel bajet dan calet di Kawasan Pulau Langkawi terpaksa ‘gadai’ tanah bagi meneruskan perniagaan serta menanggung sara hidup keluarga selepas hilang pendapatan sejak pandemik COVID-19 pada Mac tahun lalu. Pada masa yang sama, terdapat juga dalam kalangan mereka terpaksa menjual bangunan perniagaan dan hotel serta calet selepas tidak sanggup lagi menanggung kerugian dalam tempoh yang lama.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/gadai-tanah-untuk-kelangsungan-perniagaan-sara-hidup/
5.	MyMetro 19 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Bilik hotel bayar ikut mampu</p> <p>Bayar sekadar mampu (BSM) konsep diketengahkan program Rumah <u>Prihatin@Grand</u> Seasons dalam membantu musafir, pelajar, petugas barisan hadapan dan individu yang memerlukan tempat tinggal sementara. Penyediaan kemudahan dikenali 'Bilik Penginapan Prihatin' (BPP) itu terletak di Hotel Grand Seasons yang menjadi lokasi penganjuran program Rumah Prihatin. Bilik penginapan ini</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/732302/bilik-hotel-bayar-ikut-mampu

		berkonseptan mampu bayar bermula dari RM30 sehari, tetapi hanya boleh menginap selama tiga hari saja.	
	C. Subsektor Kesihatan		
6.	Berita Harian 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Klinik swasta cetus kluster baharu di Ranau</p> <p>Sebuah klinik swasta di pekan Ranau, disyaki menjadi punca penularan COVID-19 yang mencetuskan kluster baharu berkaitan tempat kerja. kluster itu tercetus selepas dua kakitangannya dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 10 Julai lalu. kedua-dua kakitangan klinik itu menjadi kes indeks bagi kluster berkenaan yang setakat ini merekodkan 15 kes positif COVID-19 termasuk membabitkan pelanggan klinik terbabit.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/840252/klinik-swasta-cetus-kluster-baharu-di-ranau
7.	The Edge 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia to allow commercial sale of COVID-19 vaccines</p> <p>Malaysia will soon allow the commercial sale of COVID-19 vaccines manufactured by Chinese firms Sinopharm and Sinovac, Science Minister Khairy Jamaluddin said on Friday, as authorities try to ramp up inoculation rates amid surging cases. The Sinopharm vaccine, which Malaysia approved on Friday for emergency use, would soon be open for private purchase, Khairy, who is also</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-seek-assurances-thailand-over-astrazeneca-vaccine-says-khairy

		<p>Coordinating Minister for National COVID-19 Immunisation Programme (PICK) told a virtual news conference. Meanwhile, Sinovac vaccines would be available commercially from Aug 1, after it has completed the delivery of some 15 million doses procured by the government, he said.</p>	
8.	Utusan Malaysia 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Gleneagles taja media Johor buat ujian saringan percuma</p> <p>Menyedari peranan petugas media yang saban hari merisikokan diri membuat liputan bagi menyampaikan maklumat terutamanya perkembangan COVID-19, sebuah pusat perubatan swasta tampil menghulurkan tangan untuk menghargai kumpulan itu.</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Gleneagles Medini, Dr. Kamal Amzan berkata, peruntukan khas itu disediakan pihaknya selepas melihat kepada jumlah kes positif harian yang meningkat sejak kebelakangan ini yang turut mendatangkan risiko kepada pengamal media.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/gleneagles-taja-media-johor-buat-ujian-saringan-percuma/
9.	Astro Awani 17 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pharmaniaga pasarkan vaksin Sinovac kepada swasta dan sedia bekalkan vaksin tambahan kepada kerajaan</p> <p>Pharmaniaga Bhd (Pharmaniaga) akan membekalkan vaksin virus COVID-19 Sinovac kepada kerajaan negeri serta pihak</p>	https://www.astrowani.com/berita-malaysia/pharmaniaga-pasarkan-vaksin-sinovac-kepada-swasta-dan-sedia-bekalkan-vaksin-tambahan-kepada-

		<p>swasta. Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga, Datuk Zulkarnain Md Eusope, berkata pihaknya turut dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon tambahan sekurang-kurangnya dua juta lagi dos vaksin Sinovac sebagai pertimbangan melengkapkan strategi ke arah mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang ditetapkan oleh kerajaan. Selain itu, beliau berkata syarikat farmaseutikal itu turut merancang untuk menyediakan bekalan tambahan vaksin jika terdapat keperluan negara untuk memberikan suntikan 'booster'.</p>	kerajaan-308903
10.	New Straits Times 17 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Govt urged to enforce EO to use private health facilities for COVID-19 cases</p> <p>The government should enforce Article 3 of the Health-Emergency Ordinance (EO) to obtain and use private facilities and hospitals, doctors and nurses to reduce the overcrowding and strain on public facilities. Gerakan president Datuk Dr Dominic Lau said since the public facilities have been overwhelmed, with the continuous increase in COVID-19 cases and ICU beds fully taken up at some public hospitals, the government should reconsider taking over private hospitals in the present situation.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/07/709307/govt-urged-enforce-eo-use-private-health-facilities-COVID-19-cases
11.	Berita Harian 19 Julai 2021	<p>Hospital swasta sedia kongsi sumber manusia, infrastruktur</p>	https://www.bharian.com.my/berita/n

	(Essential)	bergerak Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sedia memudahkan perkongsian sumber manusia dan infrastruktur bergerak seperti peralatan atau kelengkapan perubatan jika diperlukan bagi rawatan COVID-19 dan meningkatkan kadar vaksinasi di pusat pemberian vaksin mega dalam beberapa minggu akan datang. Sehingga hari ini, hampir 100 peratus katil untuk ICU COVID-19 di hospital swasta digunakan untuk merawat pesakit kategori 5.	asional/2021/07/84001/hospital-swasta-sedia-kongsi-sumber-manusia-infrastruktur-bergerak
	D. Pendidikan Swasta		
12.	Berita Harian 17 Julai 2021 (non-essential)	Sekolah dibuka berperingkat mulai 1 September 2021 Sekolah akan dibuka secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 1 September ini. Ketetapan ini terpakai kepada semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah swasta dan institusi pendidikan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Sehingga semalam seramai 253,366 atau 61.3 peratus guru dan pentadbir serta 10,876 atau 46.33 peratus kakitangan sokongan menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/840500/sekolah-dibuka-berperingkat-mulai-1-september
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>The survey also found out that 45% of the respondents said they experienced a more than 30% reduction in sales, while 55% said they had downsized their</i> 			

retail operations, while 21% had closed up to six outlets or branches.

2. Kluster Pekan Ranau membabitkan jangkitan yang disyaki bermula di sebuah klinik swasta sebelum menular kepada pelanggannya. Kluster tempat kerja ini dikesan oleh klinik berkenaan melalui saringan bergejala apabila dua orang kakitangan disahkan positif COVID-19 pada 10 Julai lalu, sekaligus menjadi kes indeks.
3. Malaysia akan membenarkan penjualan vaksin COVID-19 secara komersial yang dihasilkan oleh syarikat China Sinopharm dan Sinovac.
4. Hospital Gleneagles Medini telah dilantik untuk membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega di Gelang Patah yang akan mula beroperasi pada 19 Julai ini dengan kadar pemberian dianggarkan sehingga 1,500 orang sehari.
5. Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sedang dalam perbincangan lanjut dengan KKM untuk memindahkan kes kecemasan dan pesakit dalam wad di hospital kerajaan ke pusat-pusat swasta supaya lebih banyak hospital awam boleh ditukar kepada hospital COVID-19 bagi menampung ribuan lagi pesakit," katanya.
6. Menurut Persatuan Hotel Malaysia (MAH), kira-kira 120 hotel di negara ini telah berhenti beroperasi buat sementara atau selama-lamanya. Ini merangkumi hotel terkemuka seperti Hotel Istana Kuala Lumpur yang akan berhenti beroperasi pada awal September.
7. MAH turut menganggarkan bahawa industri perhotelan telah mengalami kerugian lebih dari RM11 bilion kesan dari pandemik COVID-19.
8. Sebanyak 61.3 % guru dan pentadbir serta 46.3% kakitangan sokongan telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan akan terus memberi impak kepada pemain industri.
2. Fasiliti kesihatan swasta berhadapan dengan risiko menjadi punca penularan COVID-19 dan menyebabkan operasi perlu dihentikan seketika. Keadaan ini akan menjelaskan hasil pertubuhan tersebut.
3. Hospital swasta turut menjalankan tanggungjawab sosial membantu kerajaan menangani COVID-19 dengan tidak mengenakan bayaran bagi perkhidmatan tertentu.

4. Kadar penghunian yang rendah serta penutupan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST2 2021.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pharmaniaga falls after Malaysia announces decision to stop using Sinovac's COVID-19 vaccine</p> <p>Pharmaniaga Bhd's share price fell as much as 15.5 sen or 14.9% to 88.5 sen in Bursa Malaysia morning trade today as investors weighed the impact of Malaysia's decision to stop administering the Sinovac COVID-19 vaccine on the outlook of Pharmaniaga, which is the sole distributor of the China-made vaccine in Malaysia.</p> <p>Malaysia will stop administering the COVID-19 vaccine produced by China's SINOVAC Life Sciences Co Ltd once its supplies end, as Malaysia has a sufficient number of other vaccines for its COVID-19 vaccination programme.</p> <p>Malaysia's inoculation drive will be largely anchored by the Pfizer-BioNTech mRNA vaccine moving forward.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/pharmaniagas-share-price-slips-discontinuation-sinovac-vaccination
2.	Astro Awani 16 Julai 2021	Iran rancang tingkatkan import minyak sawit dari Malaysia	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/iran-

	<p>(Essential)</p> <p>Iran merancang untuk meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia sehingga mencecah satu juta tan dan ke atas setiap tahun dalam usahanya memenuhi permintaan yang dijangkakan semakin bertambah dalam beberapa tahun akan datang.</p> <p>Kedutaan Iran menjelaskan usaha ini memerlukan kerjasama dan penyelarasannya lebih baik daripada kementerian berkaitan, syarikat berkaitan kerajaan serta agensi bagi memperkuuh lagi hubungan dua hala ke arah manfaat bersama.</p> <p>Iran berada di kedudukan teratas dalam senarai jumlah import minyak sawit Malaysia tahun ini dalam kalangan 10 negara Timur Tengah.</p>	<p>rancang-tingkatkan-import-minyak-sawit-dari-malaysia-308641</p>
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Harga saham Pharmaniaga Bhd turun sebanyak 15.5 sen atau 14.9% kepada 88.5 sen hari ini kerana para pelabur mempertimbangkan kesan keputusan Malaysia untuk menghentikan pemberian vaksin Sinovac COVID-19 pada prospek Pharmaniaga, yang merupakan pengedar tunggal vaksin buatan China di Malaysia. Malaysia akan berhenti memberikan vaksin COVID-19 yang dihasilkan oleh China SINOVAC Life Sciences Co Ltd setelah bekalannya berakhir, kerana Malaysia mempunyai jumlah vaksin lain yang mencukupi untuk program vaksinasi COVID-19.
2. Iran merancang untuk meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia sehingga mencecah satu juta tan dan ke atas setiap tahun dalam usahanya memenuhi permintaan yang dijangkakan semakin bertambah dalam beberapa tahun akan datang. Iran berada di kedudukan teratas dalam senarai jumlah import minyak sawit Malaysia tahun ini dalam kalangan 10 negara Timur Tengah.

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai import kod HS 10 digit 3002209000 *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products.vaccines for human medicine: other than tetanus toxoid and pertussis, measles, meningitis or polio vaccines* yang terkandung didalamnya vaksin COVID-19 bagi Mei 2021 adalah RM119.7 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM34.1 juta atau 22.2 peratus bulan ke bulan.
- Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah RM5,070.0 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM65.7 juta atau 0.8 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit bagi Mei 2021 adalah 1.17 juta tan metrik dan turut mencatatkan penurunan sebanyak 60,348 tan metrik atau 4.9 peratus. Nilai eksport minyak kelapa sawit ke Iran bagi Mei 2021 adalah RM137.3 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM78.5 juta atau 36.4 peratus. Nilai eksport minyak kelapa sawit ke Iran pada Mei 2021 menyumbang sebanyak 2.9 peratus kepada nilai keseluruhan.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Free Malaysia Today 15 July 2021 <i>(non-essential)</i>	Melaka orders foreign workers out of residential areas The Melaka government has ordered all industrial sector employers who placed their foreign workers in residential housing areas to move them to designated hostels.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/07/15/melaka-orders-foreign-workers-out-of-residential-areas/
2.	Malay Mail 17 July 2021 <i>(non-essential)</i>	Padang Besar Hospital project in Perlis to continue with private sector participation The construction of the Padang Besar Hospital will continue after several quarters including Bank Pembangunan Malaysia Berhad showed interest in making the project a success.	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/17/deputy-minister-padang-besar-hospital-project-in-perlis-to-continue-with-pr/1990637

3.	The Edge 16 July 2021 <i>(non-essential)</i>	COVID-19: Nestle Malaysia ready to share industry best practices <p>Nestlé Malaysia is willing to share industry best practices with fellow manufacturers and those interested to keep COVID-19 infections to a minimum among industry employees.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-nestle-malaysia-ready-share-industry-best-practices
4.	The Edge 16 July 2021 <i>(non-essential)</i>	Clothes makers, retailers lament RM163m daily loss as COVID-19 shuts operations <p>The Federation of Malaysian Fashion, Textile and Apparel (FMFTA) expressed their deep concern as the industry cannot afford further shutdown and face an estimated RM163 million losses per day due to COVID-19-driven movement restrictions to curb the pandemic, which cut the sector's 2020 export value to about RM21 billion from RM27 billion a year earlier</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/clothes-makers-retailers-lament-rm163m-daily-loss-covid19-shuts-operations

Penemuan penting & isu:

1. *The move involving foreign workers would be implemented soon to curb the spread of COVID-19 following a spike in clusters and cases involving industries.*
2. *The Padang Besar Hospital project was planned under the Ninth Malaysia Plan and was supposed to commence in 2018 but had to be postponed due to financial constraints.*
3. *According to Nestle Malaysia, from the start of this year to July 13, Nestlé Malaysia had conducted more than 300,000 COVID-19 tests and it had spent about RM100 million on pandemic-related control measures since the outbreak began in February-March 2020.*
4. *The annual manufacturing sales value for the industry in 2020 amounted to about RM24.23 billion, hence the industry's manufacturing segment's revenue loss due to the pandemic-driven shutdown was estimated at RM80.8 million per*

working day. FMFTA said the federation also reiterated that their members are not able to survive if they were to wait for the transition from Phase 1 to Phase 3 without operating given the current pandemic situation in Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan negeri Melaka memerintahkan semua majikan sektor industri yang menempatkan pekerja asing mereka di kawasan perumahan kediaman untuk memindahkan pekerja ke asrama yang ditetapkan. Antaranya, terdapat lebih daripada 3,000 pekerja asing di kawasan Ayer Keroh dan mereka diperintahkan untuk berpindah ke lokasi yang dikenal pasti. Antara lokasi yang dikenal pasti ialah bangunan berhampiran Melaka Sentral yang boleh memuatkan 1,400 orang selain bangunan Ketua Menteri yang kosong.
2. Pembinaan Hospital Padang Besar akan diteruskan setelah beberapa pihak termasuk Bank Pembangunan Malaysia Berhad menunjukkan minat untuk menjayakan projek itu. Pembinaan hospital yang dianggar menelan belanja RM400 juta merupakan projek mega di Perlis yang akan memberi kesan kepada peningkatan dalam aktiviti pembinaan di kawasan tersebut pada masa akan datang.
3. Nestle Malaysia telah menghabiskan sekitar RM100 juta untuk langkah-langkah kawalan yang berkaitan dengan wabak sejak wabak itu bermula pada Februari-Mac 2020. Industri pembuatan produk makanan meningkat 9.9 peratus tahun ke tahun pada tahun 2020 dari segi nilai jualan.
4. Pengilang pembuatan pakaian tidak dapat lagi mampu menerima kerugian harian yang besar melalui penutupan berpanjangan dan keadaan akan bertambah buruk sekiranya FMFTA tidak dibenarkan beroperasi di bawah fasa kedua NRP. Industri pembuatan pakaian mengalami kemerosotan sebanyak 10 peratus dari segi nilai jualan pada tahun 2020 berbanding 2019.

E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Central Airlines operates at KLIA, three-times cargo flight weekly Kuala Lumpur International Airport (KLIA) has welcomed its 18th cargo airline, Central Airlines from Shenzhen, China, which will operate three times weekly using the Boeing 737F aircraft. Central Airlines, also	https://www.nst.com.my/business/2021/07/708863/central-airlines-operates-klia-three-times-cargo-flight-weekly

		known as Zhongzhou Airlines, is a Chinese cargo airline based in Zhengzhou Xinzheng International Airport. The cargo airline was first established in 2019 and has since expanded its fleet size to five aircraft. Central Airlines is the third cargo airline operating at KLIA after Kargo Xpress and GetJet Airlines this year due to the strong air cargo demand during the pandemic period.	
2.	Berita Harian 20 Julai 2021 (Essential)	<p>Selangor sasar FDI lebih rendah tahun ini</p> <p>Selangor meletakkan jumlah sasaran pelaburan langsung asing (FDI) lebih rendah iaitu antara RM12 bilion hingga RM13 bilion pada tahun ini. Ia berbanding pencapaian RM17 bilion ke RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini ekoran impak daripada pandemik COVID-19. Sehingga April 2021, negeri itu mencatatkan nilai FDI kira-kira RM9 bilion dan ia masih dilihat sebagai angka yang baik memandangkan situasi ekonomi lebih mencabar ketika ini berbanding tahun sebelumnya.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/841386/selangor-sasar-fdi-lebih-rendah-tahun-ini
Penemuan penting & isu:			<ol style="list-style-type: none"> 1. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah menyambut syarikat penerbangan kargo ke-18, Central Airlines dari Shenzhen, China, yang akan beroperasi tiga kali seminggu menggunakan pesawat Boeing 737F. Central Airlines, juga dikenali sebagai Zhongzhou Airlines, adalah syarikat penerbangan kargo ketiga yang beroperasi di KLIA selepas Kargo Xpress dan GetJet Airlines tahun ini kerana permintaan kargo udara yang tinggi semasa tempoh pandemik.

2. Selangor mensasarkan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) lebih rendah iaitu antara RM12 bilion hingga RM13 bilion pada tahun ini berbanding pencapaian RM17 bilion ke RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini ekoran impak daripada pandemik COVID-19. Walaubagaimanapun, negeri itu masih mencatakan angka yang baik dengan nilai kira-kira RM9 bilion sehingga April 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Syarikat penerbangan kargo ke-18, Central Airlines dari Shenzhen, China akan beroperasi sebanyak tiga kali seminggu tahun ini disebabkan permintaan kargo udara yang tinggi semasa tempoh pandemik. Pengoperasian kargo akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Perkhidmatan terutamanya bagi komponen Pengangkutan. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit sebanyak RM7.6 bilion berbanding defisit RM7.5 bilion pada suku sebelumnya.
2. Sasaran jumlah pelaburan langsung asing (FDI) lebih rendah iaitu antara RM12 bilion hingga RM13 bilion pada tahun ini ekoran impak daripada pandemik COVID-19 akan dilihat kesannya dalam penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran terutamanya pada Akaun pendapatan primer dan Akaun kewangan. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih rendah RM5.7 bilion berbanding RM7.2 bilion pada suku sebelumnya. Sementara itu, Akaun Kewangan berubah arah kepada aliran masuk bersih RM16.0 bilion daripada aliran keluar bersih RM10.2 bilion pada suku sebelumnya. FDI meningkat kepada aliran masuk bersih yang tinggi RM9.1 bilion (ST4 2020: RM6.8 bilion).

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 16 Julai 2021 (non essential)	<p>Industri penerbangan Asia pulih tiga tahun lagi</p> <p>Sektor perjalanan udara Asia mungkin mengambil masa tiga tahun lagi untuk pulih sepenuhnya daripada bencana yang dicetuskan oleh pandemik, ketinggalan berbanding rantau lain.</p> <p>Seterusnya akan mencetuskan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/840039/industri-penerbangan-asia-pulih-tiga-tahun-lagi

		<p>masalah kepada pengeluar bahan api pesawat. Menurut Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), ia akan mengambil masa sehingga 2024 bagi perjalanan udara antarabangsa di rantau ini untuk mencapai tahap sebelum virus, setahun selepas trafik global dijangka dapat mencapainya.</p> <p>Jangkaan itu mencerminkan kesukaran yang dihadapi Asia dan akibatnya kepada industri bahan api pesawat, perniagaan yang kebiasaannya begitu bernilai dalam pasaran produk minyak.</p> <p>Ini bermakna, industri penerbangan Asia berkemungkinan tidak dapat memberikan sokongan padu kepada syarikat penapisan minyak serantau, yang memproses minyak mentah dari Asia Barat dan tempat lain menjadi bahan api.</p>	
2.	Berita Harian 16 Julai 2021 <i>(non essential)</i>	<p>Industri pakaian minta kebenaran beroperasi semula</p> <p>Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA) meminta kerajaan supaya membenarkan industri itu menyambung operasi pada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>Organisasi itu menjelaskan pihak pembuat dan peruncit mengalami kerugian berjumlah</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/840126/industri-pakaian-minta-kebenaran-beroperasi-semula

		<p>RM163 juta sehari ekoran penutupan operasi. Penutupan yang berpanjangan akan menjaskan nasib 500,000 pekerja dan situasi ini sudah pasti akan meningkatkan pula kadar pengangguran di Malaysia.</p>	
3.	Berita Harian 18 Julai 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Sejumlah 350 temu janji MeetME dibuka untuk usahawan</p> <p>Portal MyAssist MSME yang telah dilancarkan pada 30 Jun lalu, adalah inisiatif kerajaan untuk memudahkan PKS mendapatkan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan peluang pemasaran secara dalam talian. Perkhidmatan MeetME yang terdapat dalam Portal MyAssist MSME mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 350 slot temu janji telah dibuka.</p> <p>MeetME merupakan platform bagi PKS mengutarakan pelbagai persoalan kepada Kaunselor Perniagaan SME Corp Malaysia seperti topik berkaitan pengurusan kewangan, pemasaran, undang-undang, pembiayaan, eksport, pengurusan tenaga kerja, operasi, pensijilan, penjenamaan, pembungkusan, pengurusan harta intelek dan banyak lagi.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/840686/sejumlah-350-temu-janji-meetme-dibuka-untuk-usahawan
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sektor perjalanan udara Asia dijangka mengambil masa tiga tahun untuk pulih sepenuhnya daripada pandemik, berbanding rantau lain. Secara 			

tidak langsung akan memberi impak kepada pengeluar bahan api pesawat yang merupakan perniagaan bernilai dalam pasaran produk minyak. Ini disokong oleh firma perunding Energy Aspects, penggunaan bahan api pesawat hanya akan mencapai jumlah sebelum pandemik hanya pada 2023 atau 2024.

2. Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA) memohon kepada kerajaan membenarkan industri pakaian beroperasi semula pada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Organisasi tersebut menyatakan pihak pembuat dan peruncit mengalami kerugian berjumlah RM163 juta sehari akibat penutupan operasi. Seterusnya penutupan yang berpanjangan menjelaskan 500,000 pekerja dan akan meningkatkan kadar pengangguran di Malaysia.
3. Portal MyAssist MSME adalah inisiatif Kerajaan untuk memudahkan PKS mendapatkan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan peluang pemasaran secara dalam talian. Perkhidmatan MeetME melalui portal ini mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 350 slot temu janji telah dibuka. Antara perkhidmatan Kaunselor Perniagaan SME Corp yang diberikan meliputi pengurusan kewangan, pemasaran, undang-undang, pembiayaan, eksport, pengurusan tenaga kerja, operasi, pensijilan, penjenamaan, pembungkusan, pengurusan harta intelek dan banyak lagi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang ketara terhadap sektor perjalanan udara Asia dan pemulihan semula dijangka mengambil tempoh yang panjang. Secara tidak langsung memberi impak kepada rantai bekalan dalam sektor pengangkutan udara terutamanya pengeluar bahan api pesawat yang merupakan perniagaan bernilai dalam pasaran produk minyak. Sektor pengangkutan udara mencatatkan pertumbuhan KDNK negatif 67.6 peratus pada 2020 berbanding 2.8 peratus pada 2019.
2. Portal MyAssist MSME merupakan insiatif Kerajaan untuk PKS mendapatkan khidmat nasihat perniagaan secara dalam talian ketika negara berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. Program ini dijangka membantu PKS yang terkesan dengan pandemik dalam meningkatkan pengetahuan perniagaan terutamanya dalam bimbingan dan peluang pemasaran dengan penggunaan teknologi. Di samping itu, program ini selari dengan norma baharu untuk PKS kekal relevan dan sekaligus memastikan kelangsungan perniagaan serta memperkuuhkan semula pertumbuhan ekonomi Malaysia.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	KPDNHEP siasat harga telur ayam naik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan harga telur ayam meningkat kira-kira tiga peratus.	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/07/840279/kpdnhep-siasat-harga-telur-ayam-naik
2.	Sinar Harian 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Peniaga, pengunjung lega kedai kembali beroperasi Pengusaha kedai komputer, telekomunikasi serta kedai buku dan alat tulis menarik nafas lega apabila mendapat sambutan ramai daripada pengunjung selepas dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bermula Jumaat.	https://www.sinarharian.com.my/article/150469/BERITA/Nasional/Peniaga-pengunjung-lega-kedai-kembali-beroperasi
3.	Sinar Harian 16 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	4,027 permohonan Bakul Prihatin Negara sejak dibuka semalam Sebanyak 4,027 permohonan telah diterima sejak permohonan bantuan Bakul Prihatin Negara dibuka pada hari Khamis yang lalu. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (PWKM) berkata daripada jumlah itu, sebanyak 1,929 permohonan diterima melalui bilik gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 1,359 menerusi Talian Kasih dan 739 daripada aplikasi WhatsApp.	https://www.sinarharian.com.my/article/150464/BERITA/Nasional/4027-permohonan-Bakul-Prihatin-Negara-sejak-dibuka-semalam

4.	The Sun Daily 16 Julai 2021 (Essential)	Food Basket eases the burden of Sarawakians hit by pandemic The state government's approached in providing residents food basket got appraisal from the residents as these initiatives helps in lessen their burden faced during this pandemic. Some of the residents are self-employed which at the moment are unable to receive any income from their businesses. This may not seems much but to those who has lost their jobs and income deduction, it is sufficient for them to survive at this rate.	https://www.thesunday.my/local/food-basket-eases-the-burden-of-sarawakians-hit-by-pandemic-MN8078349
5.	The Sun Daily 16 Julai 2021 (Essential)	Rural development ministry to give RM5.4 mln aid to COVID-affected entrepreneurs Financial aid provided by five agencies under the Ministry off Rural Development (KPLB) worth of RM5.44 million will be channeled to entrepreneurs and small traders who are badly affected by the Movement Control Order 3.0. Some of the initiative are exemption in business premise rental, quit rent, and house loan and loan payment are postponed. Continues aid are given follow up from the National People's Well-being and Economic Recovery Package (Pemulih) in hoping for lessen some of their financial	https://www.thesunday.my/local/rural-development-ministry-to-give-rm54-mln-aid-to-covid-affected-entrepreneurs-EN8078372

		burden.	
6.	Berita Harian 17 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	MAIWP Labuan salur RM5.3 juta bantu terjejas COVID-19 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan menyalurkan bantuan berupa wang tunai dan barang keperluan harian yang keseluruhan berjumlah RM5,344,678 kepada warga Labuan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.	https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2021/07/840506/maiwp-labuan-salur-rm53-juta-bantu-terjejas-COVID-19
7.	Sinar Harian 18 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	Bantuan RM1,000 kepada pengusaha rumah inap, chalet Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0, dana sebanyak RM551,000 telah diagihkan kepada 551 orang pengusaha rumah inap dan chalet di Johor. Mereka menerima bantuan insentif sebanyak RM1,00 secara sekali bayar. Bantuan yang disalurkan di harap dapat membantu mereka meneruskan operasi selepas dilaporkan menerima pengurangan pengunjung sebanyak 90 peratus sejak tahun lepas.	https://www.sinarharian.com.my/article/150797/EDISI/Bantuan-RM1000-kepada-pengusaha-rumah-inap-chalet
8.	Sinar Harian 18 Julai 2021 (<i>Essential</i>)	Insentif RM941,000 untuk pengusaha van, bas sekolah Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0, dana sebanyak RM941,000 memberi manfaat kepada 1,882 pengusaha ban dan bas sekolah. Setiap daripada mereka	https://www.sinarharian.com.my/article/150800/EDISI/Insentif-RM941000-untuk-pengusaha-van-bas-sekolah

		menerima RM500 bagi meringankan beban akibat terjejas teruk semenjak COVID-19 melanda negara.	
9.	Harian Metro 18 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>500 keluarga terima bantuan makanan Aidiladha</p> <p>Menerusi inisiatif Rise4U dengan kerjasama Wadah Pencerdasan Umat Wilayah Persekutuan, 500 keluarga yang terjejas akibat pandemik COVID-19 menerima bantuan makanan berupa ayam segar, beras dan makanan asas. Bantuan diagihkan di lima lokasi terpilih pada kali ini iaitu di Pangsapauri Indah Mas, PPR Seri Sarawak, Kampung Segambut Dalam, PPR Jelatek dan Kampung Sungai Kandis, Klang.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/732135/500-keluarga-terima-bantuan-makanan-aidiladha
10.	The Sun Daily 18 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MAFI donates 400 food baskets to Jasin farmers</p> <p>Farmers are not exempted in having difficulties in surviving during this difficult times. For those who are having this job as their sole income are not receiving much as business are not as active as before. The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) are distributing 400 food baskets to farmers that contains basic necessities and fresh chickens to the university canteen for student who are still at campus result from the pandemic. Having financial crisis during this pandemic is not something new especially for</p>	https://www.thesundaily.my/home/mafi-donates-400-food-baskets-to-jasin-farmers-EM8086666

		those who suffer heavily and can't afford to support themselves as there is no cash flow.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pihak KPDNHEP menerima laporan mengenai kenaikan harga bahan mentah telur dan mendapati kenaikan harga itu tidak dapat dielakkan kerana banyak ladang ternakan ayam ditutup berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP). Sebagai contoh harga telur di pasar raya dua hari lalu, bagi gred A ialah RM12 sepanjang kini RM13.10, gred B RM10.80 (RM11.90) dan gred C RM10 (RM11.30).
2. Sidang khas MKN bersetuju untuk memberi kebenaran beroperasi bagi kedai komputer, telekomunikasi serta kedai buku dan alat tulis setelah mengambil kira maklum balas pelajar, ibu bapa serta tenaga pengajar.
3. Menteri KPWKM menyatakan bahawa bantuan secara menyeluruh itu terbuka kepada semua lapisan masyarakat sama ada daripada kumpulan M40, B40, atau T20 dan bantuan tersebut telah diagihkan lebih awal daripada yang dijadualkan iaitu 19 Julai.
4. Bakul makanan yang diedarkan oleh kerajaan negeri sedikit sebanyak membantu dalam mengurangkan bebanan yang ditanggung rakyat Sarawak bagi mereka yang kehilangan punca pendapatan.
5. Seramai 3,815 peniaga yang akan menerima bantuan secara berperingkat dan pelbagai insentif daripada kerajaan bagi mengurangkan bebanan bagi mereka yang menghadapi krisis kewangan.
6. MAIWP berkata bantuan program Musaadah COVID-19 itu diagihkan sejak Januari sehingga 16 Julai lalu. Golongan yang terjejas pendapatan adalah penerima terbesar iaitu seramai 3,785 orang diikuti golongan peniaga seramai 413 orang, bantuan kewangan bulanan kepada 3,221 penerima, bantuan bakul makanan yang memanfaatkan 15,000 penerima dan bantuan kepada pelajar dan kakitangan Institusi Latihan Perindustrian (ILP) yang dikuarantin, mualaf, Persatuan Perkembangan Perubatan Kecemasan (PKRC) Labuan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan.
7. Seramai 551 orang pengusaha rumah inap dan chalet di Johor menerima bantuan secara one-off sebanyak RM1,000.

8. Seramai 1,882 orang pengusaha van sekolah di Muar menerima bantuan RM500 seorang menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor.
9. Bantuan makanan asas sempena sambutan Hari raya Aidiladha diagihkan kepada 500 keluarga di lima lokasi terpilih sekitar Lembah Klang.
10. Program MAFI Prihatin turut membantu menyediakan bekalan makanan kepada petani yang hilang punca pendapatan dan pelajar yang masih di kampus semasa Kawalan Perintah Pergerakan dilaksanakan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan harga telur bagi gred A, B dan C akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol terutamanya bagi subkumpulan Susu, Keju & Telur. Item telur menyumbang sebanyak 0.4 peratus kepada wajaran keseluruhan inflasi. Pada Mei 2021, inflasi bagi item ini menurun 1.5 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Purata harga bagi telur gred A adalah RM11.25 seapan; gred B, RM10.44 seapan dan gred C, RM9.54 seapan.
2. Pembukaan semula kedai komputer, telekomunikasi serta kedai buku dan alat tulis dapat mengurangkankekangan DOSM dalam membuat punggutan harga bulanan bagi item kumpulan Komunikasi dan subkumpulan Suratkhabar, buku & alat tulis.
3. Kerajaan menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
4. Pengiraan simulasi pendapatan dan kemiskinan 2020 peringkat negeri ditambahbaik dengan merujuk kepada statistik terkini KDNK Negeri 2020 dan statistik gaji upah 2020. Penerbitan khas anggaran pendapatan tahun 2020 dijangka akan diterbitkan pada 23 Julai 2021.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 19 Julai 2021 (non-Essential)	<p>Kes baharu COVID-19 hari ini kembali turun</p> <p>Kes harian COVID-19 hari ini (19 Julai 2021) menunjukkan penurunan dengan 10,972 kes berbanding semalam, 10,710 kes.</p> <p>Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Selangor sekali lagi menyumbang hampir separuh kes hari ini dengan 4,404 kes. Pertambahan kes hari ini menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini meningkat kepada 927,533 kes.</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/732496/COVID-19-10972-kes-baharu-metrotv
2.	Astro Awani 16 Julai 2021 (Non-Essential)	<p>Semua PPV diarah terima pekerja warga asing ada janji temu sah</p> <p>Kerajaan mengarahkan semua pusat pemberian vaksin (PPV) di seluruh negara untuk menerima pekerja warga asing yang mempunyai pengesahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera.</p> <p>Menurut Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, arahan tersebut dikeluarkan berikutan terdapat aduan yang mendakwa pekerja warga asing diarah pulang dari PPV tertentu walaupun mereka sudah mendapat pengesahan janji temu.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sempat-ppv-diarah-terima-pekerja-warga-asing-ada-janji-temu-sah-khairy-308808

Penemuan penting & isu:

1. Selangor kekal sebagai negeri yang mencatatkan kes kumulatif tertinggi setakat ini dengan kes harian pada 19 Julai 2021 Selangor mencatatkan 4,404 kes diikuti Negeri Sembilan (1,340), Johor (876), Kedah (705 dan Kuala Lumpur (609). Sabah pula merekodkan 651 kes baharu, Pahang (475), Melaka (474), Pulau Pinang (426) dan Perak (324). Sementara, Sarawak mencatatkan 301 kes, Kelantan (170), Terengganu (144), Putrajaya (48), Labuan (24) dan Perlis satu kes.
2. Pekerja warga asing yang memiliki janji temu yang disahkan tidak perlu divaksinasi melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang dikenalikan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kerajaan juga menerima aduan mengenai pekerja warga asing dan telah mengarahkan semua PPV bahawa semua warga asing terbabit sudah mendapat janji temu mereka akan divaksin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
 - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
 - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.
2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.
3. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk bukan warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 16 Julai 2021 (Non-Essential)	<p>KPT kurangkan yuran universiti 10 hingga 35 peratus</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan pengurangan yuran di Universiti Awam (UA) membabitkan implikasi kewangan dianggarkan berjumlah RM185.7 juta.</p> <p>Inisiatif yang dilaksanakan membabitkan pengurangan Yuran Perkhidmatan, Yuran Asrama, Yuran Konvokesyen dan Yuran Aktiviti Kolej antara 10 sehingga 35 peratus bermula Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 sehingga hari ini.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/840003/kpt-kurangkan-yuran-universiti-10-hingga-35-peratus
2.	Harian Metro 16 Julai 2021 (Essential)	<p>2,000 pelajar asnaf terima tablet, pakej Internet</p> <p>Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) mula mengedarkan bantuan pakej tablet dan data Internet kepada 2,000 pelajar Tingkatan Lima daripada keluarga asnaf fakir miskin bertujuan membantu golongan ini dalam mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dengan lebih berkesan.</p> <p>Tablet berserta pakej Internet percuma selama enam bulan turut diagihkan secara terus kepada pelajar melalui pejabat cawangan MAIPk seluruh negeri dengan kerjasama pejabat Orang Besar Jajahan (OBJ) daerah.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/731402/2000-pelajar-asnaf-terima-tablet-pakej-internet-metrov

3.	<p>Harian Metro 18 Julai 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>TNB peruntuk RM15.9 juta bantu pelajar</p> <p>Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sebanyak RM15.9 juta bagi membantu kira-kira 50,000 pelajar sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya.</p> <p>Bantuan itu merangkumi penajaan kemudahan pembelajaran atas talian, kelengkapan asas persekolahan murid dan aktiviti seperti bengkel, tuisyen serta persiapan peperiksaan tahun ini.</p> <p>TNB telah menaja dan melaksanakan pelbagai program di peringkat sekolah sejak 2013 bagi memupuk generasi masa depan dan meringankan beban keluarga B40 terutama di kawasan luar bandar.</p>	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/732036/tnb-peruntuk-rm159-juta-bantu-pelajar</p>
4.	<p>Harian Metro 19 Julai 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>PKJP sumbang 250 gajet untuk pelajar B40</p> <p>Kesukaran 250 pelajar daripada keluarga B40 di daerah Segamat yang tidak memiliki gajet untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dapat diselesaikan melalui sumbangan telefon pintar oleh Pertubuhan Kebajikan Jiwa Prihatian (PKJP).</p> <p>Sumbangan dibuat PKJP melalui kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pengurusan sekolah dan gajet</p>	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/732332/pkj-psumbang-250-gajet-untuk-pelajar-b40</p>

	diberikan terus kepada pelajar terbabit.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan pengurangan yuran di Universiti Awam (UA) membabitkan implikasi kewangan dianggarkan berjumlah RM185.7 juta.
2. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) mula mengedarkan bantuan pakej tablet dan data Internet kepada 2,000 pelajar Tingkatan Lima daripada keluarga asnaf fakir miskin bertujuan membantu golongan ini mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dengan lebih berkesan.
3. Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sebanyak RM15.9 juta bagi membantu kira-kira 50,000 pelajar sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya.
4. Kesukaran 250 pelajar daripada keluarga B40 di daerah Segamat yang tidak memiliki gajet untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dapat diselesaikan melalui sumbangan telefon pintar oleh Pertubuhan Kebajikan Jiwa Prihatian (PKJP).

Maklumbalas Bahagian:

1. Langkah mengurangkan yuran universiti ini jelas memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam menangani bebanan kewangan yang dihadapi oleh pelajar dan ibu bapa yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan penuntut di universiti awam pada 2019 adalah seramai 567,625 orang.
2. Pemberian tablet berserta pakej internet percuma akan memudahkan pelajar yang terkesan untuk mengikuti PdPR dan memastikan mereka tidak tercicir ketika pandemik ini. Berdasarkan My Local Stats 2019 dan *ICT Use and Access by Households and Individuals Survey* 2019, peratusan capaian isi rumah terhadap perkhidmatan internet di Perak pada tahun 2019 adalah 81.0 peratus.
3. Usaha TNB dan PKPJ membantu pelajar semasa pandemik ini dapat meringankan beban pelajar yang terkesan terutamanya pelajar daripada keluarga golongan B40. Berdasarkan My Local Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan 16 Julai 2021 (Essential)	<p>Missing their out-of-state customers, Penang durian sellers go online to sell and deliver to Kedah, Ipoh, KL</p> <p>The Balik Pulau durian season is in full swing in Penang but instead of relying only on the domestic market, durian sellers have taken to social media to sell the pungent fruits to customers in other states.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/16/missing-their-out-of-state-customers-penang-durian-sellers-go-online-to-sel/1990274
2.	The Star 16 Julai 2021 (Essential)	<p>Go numb on durians harvested with 5G tech</p> <p>Durian farmers have embraced modern technology to stay in business after being badly hit by the COVID-19 pandemic. Durian farm was able to collect the King of Fruit easily with the help of 5G technology.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/07/16/go-numb-on-durians-harvested-with-5g-tech
3.	Malay Mail 16 Julai 2021 (Essential)	<p>Malaysia's highland farmers fight for survival in COVID-19 pandemic</p> <p>Vast tea plantations spread out over Malaysia's rugged highlands, where a network of greenhouses harvests fruit, vegetables and flowers and crops nestle in the hills.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/16/malaysia-highland-farmers-fight-for-survival-in-COVID-19-pandemic/1990393
4.	Sinar Harian 17 Julai 2021 (Essential)	Sektor perladangan rugi RM10 bilion kerana kekurangan pekerja	https://www.sinharian.com.my/article/150503/BERITA/Nasional/Sektor-

		Masalah kekurangan tenaga kerja sektor perladangan khususnya kelapa sawit di negara ini yang kini mengakibatkan kerugian sehingga mencecah RM10 bilion amat membimbangkan dan masih belum dapat diselesaikan.	<u>perladangan-rugi-RM10-bilion-kerana-kekurangan-pekerja</u>
5.	Sinar Harian 17 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Program Bank Ikan agih 2,000kg pelaling secara percuma Sebuah pasar raya borong di Kuantan, MO Wholesales menyediakan Bank Ikan bagi membantu penduduk yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengagihkan 2,000 kilogram (kg) ikan pelaling.	https://www.sinarharian.com.my/article/150522/EDISI/Program-Bank-Ikan-agih-2000kg-pelaling-secara-percuma
6.	Harian Metro 18 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Lebih 100,000 surat kebenaran beroperasi buat petani, penternak, nelayan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengeluarkan lebih 100,000 surat kebenaran kepada petani, penternak dan nelayan di seluruh negara untuk beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memastikan pengeluaran makanan seperti hasil perikanan, penternakan dan pertanian tidak terjejas.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/731996/lebih-100000-surat-kebenaran-beroperasi-buat-petani-penternak-nelayan
7.	Kosmo 18 Julai 2021 <i>(Essential)</i>	Eksport produk getah dianggar meningkat 80 peratus Eksport produk getah Malaysia dianggar meningkat sebanyak 80 peratus dirangsang oleh lonjakan dalam permintaan terhadap	https://www.sinarharian.com.my/article/150717/BISNES/Eksport-produk-getah-dianggar-meningkat-80-peratus

		sarung tangan getah.	
8.	Utusan 19 Julai 2020 <i>(Non-Essential)</i>	Bahana Timbunan Plastik Semasa Pandemik Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) global, Tabung Alam Sedunia (WWF) meletakkan Malaysia sebagai negara kedua di rantau ini dalam penggunaan plastik dimana purata setiap individu menggunakan hampir 20 kilogram plastik setahun.	https://www.utusan.com.my/rencana/2021/07/bahana-timbunan-plastik-semasa-pandemik/
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> <i>Durian sellers turned to e-commerce and started promoting his durians online, first on Facebook then by signing up for the Penang Island City Council's (MBPP) Jom Beli Online (JBO) initiative this year. Then there are those who are not growers but have made a business out of delivering Balik Pulau durians to customers outside Penang. The Balik Pulau durian season in Penang usually starts in late May and will come to an end at the end of July or early August, depending on weather conditions.</i> <i>Durian farmer said he was able to collect the King of Fruit easily with the help of 5G technology. They would get better network coverage by using 5G to identify the fallen fruit as soon as possible. On the 5G system, sensors were placed along each durian tree net, enabling them to detect changes to net tension and weight when a fruit drop. "An alert is then sent to our phones, detailing the fruit's location.</i> <i>Vegetable, fruit and flower farmers in the highlands complain of falling demand, problems finding workers and the rising cost of materials such as fertiliser. If do not have sufficient labour, it will hurt our production schedule and affect income.</i> Isu kekurangan pekerja di sektor perladangan amat membimbangkan kerana sektor perladangan merupakan salah satu industri berteraskan produktiviti yang sangat memerlukan tenaga kerja mencukupi bagi memastikan pengeluaran hasil memuaskan. Sektor perladangan yang dikatakan bersifat 3D iaitu dirty (kotor), dangerous (berbahaya) dan difficult (sukar) merupakan sektor yang dikatakan kurang diminati oleh rakyat tempatan. Oleh itu, antara cadangan yang perlu dipertimbangkan kerajaan adalah mewujudkan segera insentif khas untuk belia tempatan yang menceburi bidang perladangan untuk menarik minat mereka. 			

5. MO Wholesales melancarkan Program Bank Ikan untuk masyarakat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di perkarangan pasar raya dalam Kompleks Pasar Borong Baru Kemunting, Jalan Tanah Putih secara pandu. Setiap penerima akan memperoleh dua kilogram ikan jenis pelaling dan proses pengagihan selesai sepenuhnya dalam masa kira-kira dua jam. Sebagai tambahan, program sama akan diperluaskan ke semua enam rangkaian pasar raya milik MO Wholesales secara berperingkat. Untuk masa terdekat, bank Ikan sesi kedua akan diadakan di cawangannya di Kemaman, Terengganu.
6. Jumlah surat dikeluarkan ini merangkumi sektor pengeluaran makanan bukan formal yang membabitkan nelayan, petani dan penternak tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan. Sementara itu, mengenai bekalan ikan untuk negara masih mencukupi dan stabil meskipun berdepan cabaran.
7. Kegiatan ekonomi global yang semakin baik telah mencerahkan prospek permintaan terhadap getah asli. Penggunaan di pasaran utama seperti China dan Amerika Syarikat turut menunjukkan peningkatan positif, didorong oleh pembukaan semula operasi perniagaan susulan program pemberian vaksin untuk memerangi COVID-19. Bagaimanapun, dengan kemunculan semula kes COVID-19 di Malaysia yang menjuruskan kepada pelaksanaan kawalan pergerakan, pengurangan tenaga kerja dan pelbagai langkah kawalan lain yang dikenakan oleh kerajaan akan menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan getah asli.
8. Melalui pemerhatian dan kajian oleh kumpulan penyelidik didapati pembuangan sampah daripada jenis pembungkus makanan berkait rapat dengan ekosistem sosiobudaya. Suatu ketika dahulu, bahan yang digunakan untuk membungkus makanan diperbuat daripada kertas, helaian akhbar lama atau daun pisang dimana bahan pembungkus tersebut dikenali sebagai *biodegradable*. Walaupun ketiadaan sistem pengurusan sisa yang khusus, pembuangan bahan daripada biodegradable tidak menimbulkan masalah besar kerana kesemuanya adalah bahan organik dan mampu terurai secara semula jadi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada 2019, pengeluaran durian adalah sebanyak 377,251.0 tan metrik dengan kadar sara diri 105.2 peratus. Kerugian durian pula adalah 10,758.6 tan metrik pada 2019. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran durian akan meningkat kepada 405,536 tan metrik pada 2020. Durian merupakan item yang diliputi dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih serta Indikator Pertanian Terpilih. Sehingga Jun 2020 purata harga durian kampung bagi tempoh Jan-Jun 2020 adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 dan PKPD ini dijangka akan memberi kesan kepada harga durian pada 2021.

2. Pada 2019, pengeluaran buah-buahan di Pahang merekodkan 200,045 tan metrik berbanding 1,560,906 tan metrik (jumlah keseluruhan pengeluaran buah-buahan dalam negara). Manakala, pengeluaran sayur-sayuran di Pahang merupakan pengeluaran tertinggi di Malaysia iaitu 335,935 tan metrik (32.9%). Pahang juga merupakan negeri kedua tertinggi pengeluaran bunga-bungaan selepas Johor iaitu 147,909,499 keratan/pasu/pokok. Justeru, pelaksanaan PKP ini dijangka menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja serta kurangnya permintaan terhadap item bunga-bungaan.
3. Merujuk statistik Penerbitan Indikator Pertanian Terpilih (IPT), Malaysia 2020 penduduk yang bekerja di sektor pertanian, perhutanan dan perikanan pada 2019 mencatatkan penurunan kepada 1,541.1 ribu orang berbanding 1,570.3 ribu orang pada 2018. Warganegara Malaysia yang yang bekerja di sektor pertanian adalah seramai 1,049.9 ribu orang manakala bukan warganegara adalah 491.3 ribu orang. Impak tenaga kerja terutamanya bukan warganegara dijangka akan dilaporkan dalam penerbitan IPT 2021
4. Statistik pengeluaran bagi item perikanan terpilih (meliputi 6 jenis item) telah diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Bahagian mengambil maklum insiden penutupan Kompleks LKIM Kuantan Pahang dan akan melihat kesan ini secara nasional bagi data rujukan 2021. Melalui SUA, tiga daripada enam jenis item perikanan terpilih merekodkan kadar sara diri (SSR) melebihi 100 peratus pada 2019. Sotong kekal dengan SSR tertinggi iaitu 109.2 peratus, manakala SSR mackerel kekal terendah iaitu 84.5 peratus. Pelaling merupakan spesis ikan di dalam kumpulan mackerel.
5. Berdasarkan dapatan Banci Getah Bulanan yang dipaparkan di dalam Penerbitan Perangkaan Getah Bulanan oleh DOSM, pengeluaran getah asli Malaysia pada Mei 2021 merekodkan 28,164 tan metrik, meningkat 33.8 peratus berbanding 21,044 tan metrik pada Mei 2020. Manakala, eksport getah asli pada Mei 2021 mencatatkan 48,111 tan metrik, meningkat 42.4 peratus dari 33,780 tan metrik pada bulan yang sama tahun lalu. Destinasi eksport utama getah Malaysia pada Mei 2021 adalah dari P.R China (54.3%).
6. Buangan klinikal yang dihasilkan di seluruh negara pada 2020 dijangka akan meningkat sebanyak 20.0 peratus selari dengan pertambahan kes sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Kuantiti buangan klinikal pada 2019 adalah sebanyak 33.8 ribu tan metrik, dimana tiga (3) negeri yang mencatatkan jumlah buangan klinikal tertinggi iaitu Selangor (7.3 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (3.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (3.7 ribu tan metrik).

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 19 July 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Two Prasarana assets converted into PPVIN for land transport sector</p> <p>Two Prasarana assets namely the Putra Heights LRT station and the Cheras Selatan Rapid Bus Complex have been converted into the industry vaccination centres (PPVIN) for the land transport sector.</p> <p>The PPVIN at Putra Heights LRT station, which commenced operations today, will be serving about 2,598 recipients involving Prasarana staff from rail services and the employees of the Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp). The PPVIN at Cheras Selatan Rapid Bus Complex will begin operations on Wednesday, involving 2,914 employees of the company's bus service operations.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/two-prasarana-assets-converted-ppvin-land-transport-sector
2.	The Edge Market 19 July 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>MUH sells cement assets to Muda Holdings for RM12.5 mil</p> <p>Multi - Usage Holdings Bhd's (MUH) wholly - owned subsidiary Multi - Usage Cement Products Sdn Bhd (MUCP) will sell its fixed assets for RM12.5 million to</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/muh-sells-cement-assets-muda-holdings-rm125-mil

	Muda Paper Mills Sdn Bhd, a unit of Muda Holdings Bhd. The fixed assets, which include three plots of land in Penang, plant, machinery and motor vehicles, will help rationalise the company's asset holdings, as it has ceased operations in the manufacturing of cement products due to the coronavirus impact.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Prasarana Malaysia Berhad bakal membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Stesen LRT Putra Heights dan Kompleks Bas Rapid Cheras Selatan untuk tenaga kerja Prasarana dan MRT CORP. Kapasiti suntikan adalah melibatkan 600 suntikan sehari bagi mempercepatkan pemberian vaksin.
2. Multi-Usage Cement Products Sdn Bhd (MUCP) iaitu subsidiari Multi-Usage Holdings Bhd (MUH) akan menjual aset kekal bernilai RM12.5 juta kepada Muda Paper Mills Sdn Bhd, milik Muda Holdings Bhd. Aset kekal meliputi tiga bidang tanah di Pulau Pinang, kilang, mesin dan kenderaan motor akan membantu rasionalisasi pegangan aset syarikat berkenaan yang terpaksa menghentikan operasi pembuatan produk simen berikutan impak pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah 2020, bilangan penerima gaji dan upah meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 2.1 peratus pada 2020 kepada 9.4 juta orang (2019: 5.0%; 9.2 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan penurunan dua angka sebanyak 15.6 peratus daripada RM2,442 kepada RM2,062. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut menunjukkan penurunan daripada RM3,224 kepada RM2,933 (-9.0%).
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Mei 2021 yang diterbitkan pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,098.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,370.8 ribu

- iii) Penganggur: 728.1 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,398.0 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.5 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.5 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
 - iii) Penganggur: 771.8 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST1 2021:
- i) Jawatan: 8,437.5 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,259.6 ribu
 - iii) Kekosongan: 177.9 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 17.38 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
 - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)